

|               |   |
|---------------|---|
| TARIKH        | SELASA, 2 APRIL 2024                        |
| AKHBAR        | KOSMO                                       |
| TAJUK ARTIKEL | 'JELASKAN APA KERAJAAN MADANI BANTU RAKYAT' |
| M/S           | 4   |
| BIDANG        | CIVIL SERVICE                               |
| KATA KUNCI    | CIVIL SERVICE                               |

## Penjawat awam diminta tolong beri penjelasan 'Jelaskan apa Kerajaan Madani bantu rakyat'

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Penjawat awam diminta membantu kerajaan memberikan penjelasan kepada rakyat berhubung langkah yang telah diambil bagi membantu rakyat khususnya dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia berikutan kerajaan tidak sekali-kali meminggirkan masalah dihadapi rakyat meskipun berdepan kekangan kewangan.

“Soal kritikan itu biasa, tetapi mengatakan kita tak faham, tidak prihatin kepada rakyat tidak betul. Jadi, saya minta saudara (penjawat awam) tolong jelaskan.

“Walaupun penjawat awam tidak semestinya campur politik, tapi ini soal dasar kerajaan dan

beri fakta, kalau tidak ia seolah-olah kita tidak buat apa-apa.

“Ada yang mengatakan sejak Kerajaan Madani tidak ada apa pun dilakukan dan sebagai ‘malaun’, (akan mengiyakan) ‘ya benar’. Sebab itu saya sengaja mahu ulang kenyataan dan fakta ini (bantuan rakyat),” katanya pada majlis perhimpunan bulanan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

Menurutnya, walaupun kerajaan secara keseluruhan mempunyai hasrat dan kesungguhan melaksanakan beberapa program perubahan, namun tidak bermakna kerajaan mengenyakan keperluan memberi bantuan.

Katanya, langkah penyasaran subsidi perlu dilakukan supaya negara tidak terus menanggung kerugian berbilion ringgit akibat

pengaliran wang ke luar negara.

Jelasnya, ini kerana rakyat negara jiran ‘memungghah’ minyak petrol hanya kerana harga petrol lebih murah di negara ini dengan pemberian subsidi.

“Begitu juga dengan penyelarasan subsidi elektrik yang hanya melibatkan 15 peratus kumpulan tertinggi dan langkah kerajaan perkenalkan cukai perkhidmatan dengan banyak pengecualian diberikan kepada sektor tertentu.

“Jangan lupa pada 2021, 2022 sebelum pertukaran kerajaan, harga ayam RM13 satu kilogram (kg), sekarang jauh lebih rendah sekitar RM9. Minyak masak 5kg, kadang-kadang kawan pembangkang bising, saya ingat dia lupa masa dia jaga, harga minyak masak ketika itu RM45-RM55 per kg, sekarang sekitar RM27,” ujarnya



ANWAR melihat kenderaan yang menggunakan teknologi hidrogen di pekarangan Mosti, Putrajaya semalam.  
— FAISOL MUSTAFA

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM